



12 MAR, 2023

Rampas rokok putih, kretek bernilai RM1.2j

Metro Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

Rampas rokok putih, kretek bernilai RM1.2j

Seremban: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Negeri Sembilan merampas 8,990 karton rokok putih dan kretek tidak sah bernilai RM144,032 dengan duti hampir RM1.2 juta dalam serbuan di ladang sawit Kampung Air Hitam, Klang, Selangor pada 22 Februari lalu.

Pengarahnya, Muhammad Hafiz Ishak berkata, dalam operasi kira-kira jam 3 petang itu, pihaknya turut merampas sebuah lori kanvas tiga tan dan 14 kereta pelbagai jenis yang digunakan untuk sindiket terbabit dengan nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM338,032.

"Pemeriksaan ke atas kenderaan yang ditinggalkan itu menemukan rokok jenama Saat dan kretek jenis Touro International dengan kesemuanya disyaki barang belum lulus Kastam dan Barangan Larangan Import Di Bawah Butiran 3, Bahagian II, Jadual Ketiga Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017.

"Selain itu, kita turut menemukan beberapa *jammer* yang digunakan bertujuan menghalang telefon bimbit

daripada menerima isyarat dalam 300 meter sehingga mengganggu perhubungan antara pasukan JKDM ketika operasi," katanya pada sidang media di Pejabat JKDM negeri di sini, kelmarin.

Beliau berkata, kesemua barang eksibit termasuk 15 kenderaan yang mempunyai cukai jalan dan nombor plat itu disita mengikut Seksyen 114 Akta Kastam 1967 dan dibawa ke pejabat Bahagian Penguatkuasaan JKDM negeri untuk siasatan lanjut.

Muhammad Hafiz berkata, rokok berkenaan tidak mempunyai label cukai yang sah dan diangkut menggunakan lori kanvas tertutup sebelum dibawa ke kawasan terpencil seperti ladang sawit untuk diagihkan dalam kenderaan persendirian, sebagai modus operandi.

Jelasnya, bekalan rokok berkenaan dipercayai diperoleh dari negara jiran dan akan diedarkan di kedai-kedai runcit sekitar Selangor dan Negeri Sembilan serta dijual dengan harga tiga kali ganda lebih murah daripada pasaran.



MUHAMMAD Hafiz (kiri) menunjukkan rampasan sebuah kereta yang digunakan untuk pengedaran rokok tidak sah di Pejabat Penguatkuasaan dan Pematuhan (JKDM) Seremban 2.



12 MAR, 2023

Rampas rokok putih, kretek bernilai RM1.2j

Metro Ahad, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Seremban: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Negeri Sembilan merampas 8,990 karton rokok putih dan kretek tidak sah bernilai RM144,032 dengan duti hampir RM1.2 juta dalam serbuan di ladang s a w i t Kampung Air Hitam, Klang, Selangor pada 22 Februari lalu.